

KETERANGAN PENDAFTARAN KEMATIAN DAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Keterangan Pendaftaran Kematian

Pendaftaran kematian adalah disarankan untuk dilaksanakan dalam tempoh masa 12 jam selepas kematian. Pendaftaran kematian tertangguh (3 hari selepas 12 jam) dan pendaftaran kematian lewat (lebih dari 3 hari) akan dicatat jika tempoh pendaftaran dibuat selepas waktu yang disarankan.

Pendaftaran kematian hanya layak dibuat oleh ahli keluarga si mati yang mengetahui tentang kematian tersebut, Sesiapa yang hadir semasa berlakunya kematian dan/atau sesiapa yang menjumpai atau mengendalikannya mayat tersebut.

Dokumen-dokumen yang diperlukan

Dokumen asal dan salinan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. Kad pengenalan Brunei / kad waran polis / kad ABDB pelapor / sesiapa yang menjumpai atau mengendalikannya mayat tersebut (asal dan salinan)
2. *Borang F (sijil kesihatan bagi punca kematian – dikeluarkan oleh pihak hospital)*
3. *3 keping pengesahan daripada Ketua Kampung (mengikut kawasan dimana kematian terjadi)*
4. Borang pendaftaran kematian yang lengkap
5. Kad pengenalan pintar si mati (atau salinan kad waran polis/ kad ABDB)
6. Sijil kelahiran si mati
7. Sijil kerakyatan si mati (jika berkenaan)
8. Dokumen perjalanan si mati (jika berkenaan)
9. Permit masuk / Permit mastautin si mati (jika berkenaan)
10. Kad kesihatan pesakit / kad pesakit luar si mati
11. Laporan polis (bagi dokumen yang hilang milik si mati)

**** Bagi no 2 hingga 11 di atas, dokumen asal diperlukan.**

Bayaran

Tidak ada bayaran dikenakan bagi pendaftaran kematian.